



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

# **MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SANTUNI RAKYAT PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**29 JUN 2019 (SABTU)  
MYDIN HYPERMART PETRA JAYA, KUCHING**

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **SALUTASI**

*(akan dikemukakan kemudian setelah pengesahan kehadiran)*

## **PENDAHULUAN**

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat sama-sama kita berkumpul di MYDIN Hypermart Petra Jaya, khususnya bagi rakyat Negeri Sarawak untuk menjayakan Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Sarawak hari ini.

## **UCAPAN PENGHARGAAN**

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, semua agensi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di negeri Sarawak, pengurusan tertinggi KPWKM, ketua-ketua jabatan, rakan-rakan strategik serta semua pihak yang gigih menjadikan hasrat kita menganjurkan program hari ini satu realiti.
3. Keistimewaan Program Santuni Rakyat ini ialah ia dapat menggabungkan agensi di bawah KPWKM dengan sebanyak mungkin rakan-rakan strategik kita, bagi memberikan perkhidmatan kepada golongan sasar kementerian.

Untuk kali rakan-rakan strategik kita adalah Kerajaan Negeri Sarawak, agensi-agensi Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri seperti Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM (ICU, JPM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Tenaga Kerja, PERKESO, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Bank Negara, Open University Malaysia (OUM), Jabatan Kesihatan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Kraftangan serta sektor korporat seperti MYDIN, Telekom Malaysia (TM), Unifi, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Timberland Medical Centre, Normah Medical Centre dan HNC Medical Supplies.

4. Ada juga pihak pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang turut sama pada hari ini seperti Briged Bakti, Pertubuhan Pemerkasaan Wanita dan Keluarga Petrajaya dan Sarawak Hun Nam Siang Tng yang telah banyak melakukan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bersama rakyat di Sarawak.

## **PENGENALAN**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Program Santuni Rakyat merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KPWKM bagi memperkenalkan dan mempromosi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

(LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) kepada rakyat khususnya penduduk negeri Sarawak.

6. Ia bertemakan “**Semarak Kasih, Malaysia Sejahtera**”.

Melalui pendekatan ini, tautan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, badan korporat, NGO, pemimpin setempat dan rakyat dapat disemarakkan dalam perkhidmatan terbaik di samping membentuk generasi dan bangsa Malaysia yang sejahtera.

7. Oleh itu, saya menjemput dan mengalu-alukan tuan-tuan dan puan-puan yang berada di sini untuk merebut peluang bagi mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang kami sediakan.

### **WARGA EMAS**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

8. Kami mengambil pendekatan membawa tema kumpulan sasar Kementerian, yang berbeza bagi setiap kali Program Santuni Rakyat dianjurkan.

Ini bertujuan agar isu-isu berkaitan kumpulan sasar Kementerian, akan dapat dikongsi dan dihayati bersama, memupuk rasa keprihatinan dalam membentuk sebuah masyarakat penyayang.

Hari ini di Kuching, Sarawak pada kita membawa tema **warga emas**.

9. Untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan, Malaysia akan menjadi sebuah **negara tua** menjelang tahun **2030 di mana 15 peratus** daripada

penduduk Malaysia dianggarkan terdiri daripada warga yang berumur **60 tahun dan ke atas**.

Merujuk kepada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun **2018 hampir 11 peratus bilangan penduduk di Sarawak** merupakan **warga emas iaitu sebanyak 306,800 orang berbanding dengan 2.79 juta populasi di Sarawak ini**.

10. Ini bermaksud, **menjelang tahun 2030**, peratus penduduk warga emas di negeri ini dijangka akan meningkat kepada **16 peratus dengan anggaran seramai 526,300 orang berbanding unjuran populasi seramai 3.29 juta**.
11. Perubahan demografi ini akan memberi implikasi besar kepada aspek sosial dan ekonomi.

Maka, persiapan awal bagi penyediaan ke arah pencapaian status negara tua memerlukan komitmen dan kolaborasi sepenuhnya di setiap peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, swasta, ahli akademik, NGO, komuniti dan warga emas sendiri.

## **INISIATIF UNTUK WARGA EMAS**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

12. Kerajaan Persekutuan sangat mengambil berat tentang kebajikan dan keperluan golongan warga emas selaras dengan Dasar Warga Emas Negara.

Bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan dan memberi impak, KPWKM telah merancang beberapa inisiatif antaranya seperti berikut:

- i. **Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas** telah dipersetujui diwujudkan melalui keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) Bil. 1/2018.  
RUU ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada ahli keluarga dan komuniti serta mewujudkan sistem sokongan yang kukuh kepada warga emas dan penjaga, agar kebergantungan dan pengabaian pada usia tua tidak berlaku;
- ii. **Pendaftaran dan Pemetaan Warga Emas (eWe)** merupakan satu sistem yang bertujuan untuk mengenal pasti demografi seperti maklumat kemahiran, keperluan dan minat mereka.  
Sistem ini dapat membantu pihak Kerajaan mengenal pasti keperluan sebenar termasuk penyusunan program dan aktiviti yang lebih tepat dengan mengambil kira faktor persekitaran, budaya, ekonomi, pengalaman, sosial serta kecenderungan warga emas dalam kehidupan;
- iii. **Program Intergenerasi Warga Emas, Kanak-Kanak dan Remaja** akan diteruskan di seluruh negara berdasarkan kepada maklum balas positif dan telah dapat menarik minat dan penyertaan **3,710 warga emas, kanak-kanak dan remaja**.  
Program ini dilaksanakan secara kolaborasi dengan pelbagai pihak seperti sekolah, universiti, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan sukarelawan LPPKN;

- iv. Melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan *United Nations Development Programme* atau UNDP, KPWKM akan melaksanakan projek daerah mesra warga emas atau *age-friendly city* melalui projek rintis di Taiping, Perak berdasarkan panduan *age-friendly city* daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Satu kerangka kerja bagi pewujudan daerah mesra ini akan dihasilkan, yang mana boleh digunapakai oleh pihak berkuasa tempatan lain kelak.

- vi. **Meningkatkan aksesibiliti kepada perkhidmatan sokongan** oleh semua pihak seperti pusat jagaan harian, saringan kesihatan dan perkhidmatan kesejahteraan (*wellness*) untuk warga emas.

Satu projek perintis iaitu **Anjung Interaktif, Rekreasi, Intervensi dan Sokongan Keluarga (AIRIS)** telah dimulakan oleh LPPKN dengan kerjasama NGO di LPPKN Selayang, Selangor untuk warga emas.

Saya berharap projek ini akan dapat dilaksanakan di tempat-tempat lain yang bersesuaian di masa hadapan.

## **BAJET 2019**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

13. Pihak Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah **RM93.4 juta pada tahun 2018 dan RM82.9 juta pada tahun 2019 kepada JKM Negeri Sarawak** bagi membantu warga emas menerusi Bantuan Orang Tua (BOT).

Bantuan ini telah memberi manfaat kepada seramai **22,000** orang penerima.

14. Selaras dengan hasrat untuk menggalakkan warga emas terus aktif supaya mereka tidak dibelenggu dengan sindrom '*empty nest*', maka Kerajaan akan meneruskan usaha bagi menambah bilangan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dengan sasaran **satu PAWE, satu Parlimen**.
15. Melalui Rolling Plan Ketiga RMK-11, JKM diperuntukkan sebanyak **RM5 juta bagi mewujudkan 47 buah PAWE baharu** yang akan memberi manfaat kepada lebih ramai warga emas.  
Jumlah ini menjadikan **bilangan PAWE pada akhir tahun 2019 bertambah kepada 135 buah**.
16. Selain itu Kerajaan telah menyediakan peruntukan pentadbiran dan aktiviti sebanyak **RM2.9 juta kepada 88 buah PAWE** seluruh negara bagi memastikan ia beroperasi dengan baik.
17. Sehingga kini, seramai **38,627 orang warga emas** telah mendapat manfaat melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan di PAWE.
18. Sarawak merupakan negeri yang mempunyai paling banyak PAWE berbanding dengan negeri-negeri lain.  
Jumlah PAWE di Sarawak pada ketika ini adalah sebanyak **11 buah** dan pada tahun ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan bagi penubuhan **dua (2) buah PAWE baharu iaitu PAWE Petra Jaya dan PAWE Sibuti** yang akan menjadikan keseluruhan PAWE di negeri Sarawak berjumlah **13 buah**.



## **SAYANGI WARGA EMAS**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

19. Saya dimaklumkan hari ini aktiviti yang bermula jam 9.00 pagi dengan program SenamMAS disusuli dengan pelbagai program lain melibatkan penyertaan daripada warga emas dari beberapa PAWE dan Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PPWE) sekitar Kuching.

Penuaan aktif seperti inilah yang kita mahu, selaras dengan Dasar Warga Negara, yang menggalakkan warga emas terus aktif dan produktif melibatkan diri dalam keluarga dan masyarakat serta menyumbang kepada negara.

**Tahniah warga emas Sarawak!**

20. Kita harus menghormati warga emas dan menyantuni mereka dengan penuh kasih sayang.

Jangan sia-siakan kesempatan bersama mereka, selagi mereka masih ada.

Ingatlah semua, **'wang boleh dicari, ilmu boleh digali, tapi kesempatan untuk mengasihi orang tua (ibu bapa) tak akan kembali'**.

Hadis Nabi S.A.W menyebut bahawa **'Amal perbuatan yang amat disukai Allah SWT ialah solat tepat pada waktunya, berbakti kepada orang tua dan berjihad pada jalan Allah'**. (*Hadis Riwayat: Imam Bukhari dan Muslim*)

21. Pepatah Iban juga ada menyebut, **'Batang enda telanggarka tuga'**. Bermaksud, "setinggi mana pun tahap pendidikan anak-anak, takkan

mampu mengatasi pengalaman dan pengetahuan orang tua mereka dalam perkara yang melibatkan kehidupan.”

Hormati orang tua dan sayangilah mereka.

## **INSENTIF I-SURI**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

22. Program Santuni Rakyat hari ini turut membawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membolehkan para suri rumah, balu dan ibu tunggal yang profilnya didaftarkan dengan sistem e-Kasih menyertai insentif i-Suri dengan membuat caruman minimum sebanyak RM5 setiap bulan.

Caruman itu perlu dibuat ke dalam akaun simpanan persaraan bagi melayakkan mereka menerima insentif Kerajaan sebanyak RM40 setiap bulan.

23. Sehingga **31 Mei 2019**, seramai **111,879** orang wanita telah berdaftar dengan i-Suri.

**Pendaftaran i-Suri di Sarawak sehingga tarikh yang sama adalah sebanyak 17,980 orang.**

**Rebutlah peluang untuk mendapatkan maklumat dan terus mendaftar sekiranya layak untuk skim ini.**

## **PENUTUP**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

24. Besar harapan saya supaya program pada hari ini dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat menerusi perkongsian perkhidmatan dan kepakaran daripada semua pihak.
25. Akhir kalam, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya hadirin sekalian yang sudi hadir menjayakan Program Santuni Rakyat ini.
26. Terima kasih tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Sarawak, semua rakan strategik serta pihak MYDIN Hypermart yang sudi menyediakan lokasi untuk program ini.
27. Seterusnya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Sarawak.

Sekian, Wabilahi Taufik Wal Hidayah Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakathuh.